

17 DEC 1998

SINGAPURA DAN MALAYSIA SETUJU SELESAI ISU SECARA PAKEJ

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Singapura dan Malaysia hari ini bersetuju untuk menyelesaikan isu-isu yang masih tergantung antara kedua-dua negara sebagai satu pakej, kata Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di sini hari ini.

Isu-isu itu termasuk kontroversi mengenai pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia di republik itu yang terletak di Tanjong Pagar.

Goh berkata sementara pakej itu disiapkan, Singapura akan melanjutkan tarikh akhir bagi operasi pusat CIQ Malaysia itu, kata beliau kepada wartawan selepas mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

-- BERNAMA

ES NMO